

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 30 TAHUN 2005

SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERGIGIAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan mewujudkan satu skim perkhidmatan baru iaitu Pensyarah Pergigian Gred DUG45, DUG51/52, DUG53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini pensyarah universiti (bidang pergigian) berada dalam skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS45, DS51/52, DS53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A dengan dibayar gaji permulaan mengikut nilai taraf kelayakan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian serta Diploma Lanjutan atau kelayakan kepakaran bidang pergigian.

3. Bagi memperkemaskan lagi skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, maka kerajaan memutuskan supaya perkhidmatan pensyarah pergigian ini diasingkan daripada pensyarah universiti.

SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERGIGIAN

4. Skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian yang baru ini diletakkan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan tetapi diberi kod gaji yang tersendiri iaitu DUG. Oleh itu, gred-gred gaji bagi skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian yang baru ialah DUG45, DUG51/52, DUG53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A. Kod gaji tersendiri ini adalah bagi membezakannya dengan Pensyarah Universiti yang menggunakan kod DS, Pensyarah Perubatan yang menggunakan kod DU dan Pensyarah UiTM yang menggunakan kod DM.

5. Kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian yang baru ini adalah ditetapkan seperti berikut:

- (a) kenaikan pangkat dari gred ke gred (Gred 45 ke 52, 52 ke 54, 54 ke Gred Khas C dan Gred Khas C ke gred-gred lebih tinggi seterusnya);
- (b) kenaikan pangkat Dalam Keadaan Istimewa dari Gred 45 terus ke Gred 54; dan
- (c) kenaikan pangkat Dalam Keadaan Istimewa dari Gred 45 terus ke Gred Khas C dan dari Gred 51/ 52 terus ke Gred Khas C.

Syarat-syarat kenaikan pangkat adalah seperti yang disebutkan dalam perenggan-perenggan berkaitan dalam teks skim perkhidmatan. Tahap-tahap Kriteria Kecemerlangan hendaklah ditetapkan bersama oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan Institusi Pengajian Tinggi Awam seperti juga skim-skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan dan Pensyarah UiTM.

6. Skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian yang baru adalah seperti di **Lampiran A** sementara format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**. Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan ini adalah seperti di **Lampiran C**.

PELAKSANAAN

7. Semua pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pensyarah Universiti (bidang pergigian) yang dilantik **secara tetap dengan kelayakan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian serta memiliki Diploma Lanjutan atau kelayakan kepakaran bidang pergigian** adalah layak diberi opsyen untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baru Pensyarah Pergigian seperti berikut:-

- (a) Pensyarah Universiti (bidang pergigian) Gred DS45 akan ditukar lantik ke Gred DUG45;
- (b) Pensyarah Universiti (bidang pergigian) Gred DS51/52 akan ditukar lantik ke Gred DUG51/52;
- (c) Pensyarah Universiti (bidang pergigian) Gred DS53/54 akan ditukar lantik ke Gred DUG53/54; dan
- (d) Pensyarah Universiti (bidang pergigian) Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A masing-masing akan ditukar lantik ke Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A.

8. Pihak Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Awam berkaitan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan Pensyarah Pergigian Gred DUG45, DUG51/52, DUG53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan yang disandang Pensyarah Universiti (bidang pergigian) Gred-gred DS45, DS51/52, DS53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A yang menerima opsyen tukar lantik ini.

PEMBERIAN OPSYEN

9. Dengan terlaksananya skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian ini, Pihak Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Awam yang terlibat hendaklah menawarkan

opsyen kepada pegawai tetap yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pensyarah Universiti (bidang pergigian) yang memiliki kelayakan seperti di perenggan 7 di atas bagi membolehkan mereka membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsiyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian ke gred-gred yang berkenaan. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

10. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat opsiyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang tidak membuat sebarang opsiyen atau gagal mengembalikan borang opsiyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsiyen dengan bersyarat adalah dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baru ini. Mereka akan kekal dalam skim perkhidmatan sedia ada secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

11. Tawaran opsiyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

12. Tawaran opsiyen ini juga hendaklah diberi kepada pegawai yang berada dalam keadaan berikut:-

- (a) pinjaman atau pertukaran sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsiyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

13. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsiyen, maka tawaran opsiyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

14. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 12, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan pegawai membuat pilihan walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

15. Bagi maksud pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti di **Lampiran D1, D2 dan D3**.

16. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan sementara / kontrak / sambilan.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

17. Kaedah penetapan gaji permulaan pegawai yang terlibat dalam skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian Gred DUG45, DUG51/52, DUG53/54 dan Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A adalah seperti berikut:

- (a) Pensyarah Universiti (bidang pergigian) Gred DS45, DS51, DS53, yang **dilantik secara terus dan belum disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred asal di Peringkat 1 (P1) di Gred DUG45, DUG51, DUG53 yang baru;
- (b) Pensyarah Universiti (bidang pergigian) Gred Khas C yang **dilantik secara terus dan belum disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred asal;
- (c) Pensyarah Universiti (bidang pergigian) Gred DS45, DS51, DS53, yang **dilantik secara terus dan telah disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred DUG45, DUG51, DUG53 yang jumlahnya tidak kurang

daripada satu Pergerakan Gaji Biasa gred asal. Jika matagaji di P1 gred baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji permulaan bolehlah ditetapkan pada Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3) jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas;

- (d) Pensyarah Universiti (bidang pergigian) Gred Khas C yang **dilantik secara terus dan telah disahkan** dalam perkhidmatan hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa gred asal;
- (e) Pensyarah Universiti (bidang pergigian) Gred DS52, DS54 yang berada di gred-gred ini **secara kenaikan pangkat** hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred DUG52, DUG54 yang baru, yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa gred asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji bolehlah ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- (f) Pensyarah Universiti (bidang pergigian) di Gred Khas C, Gred Khas B dan Gred Khas A yang berada di gred-gred ini secara kenaikan pangkat hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa gred asal.

18. Pegawai yang gaji permulaannya ditetapkan mengikut prinsip di atas tetapi gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh matagaji mengikut kaedah di perenggan 17, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

19. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan adalah seperti di **Lampiran E1, E2, E3, E4 dan E5.**

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

20. Pergerakan gaji tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan dikuatkuasakan hendaklah diberi di grad baru.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

21. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan ini. TPG baru ialah mulai 1 Januari tahun berikutnya.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

22. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

- (a) **Pihak Berkuasa Melantik
(Lembaga Pengarah Universiti/Pihak Pengurusan Universiti)**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang layak.

- (b) **Ketua Jabatan
(Pendaftar Universiti)**

- (i) menyampaikan opsyen kepada pegawai terlibat;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;

- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan;
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini; dan
- (v) bagi tujuan faedah persaraan, Ketua Jabatan hendaklah memperakukan Pengesahan Dalam Perkhidmatan pegawai di jawatan baru kepada Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.


(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah muktamad;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran.

TARIKH KUAT KUASA

23. Tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian yang baru ini ialah mulai **1 Januari 2006**.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(DATO' SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

28 Disember 2005

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERGIGIAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KUMPULAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
PERKHIDMATAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2006

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred DUG45	: P1T1 RM2465.80	- P1T19 RM4888.22
	P2T1 RM2549.29	- P2T19 RM5144.74
	P3T1 RM2636.41	- P3T19 RM5423.04
Gred DUG51	: P1T1 RM3978.75	- P1T10 RM5601.36
	P2T1 RM4166.30	- P2T10 RM5854.25
	P3T1 RM4361.11	- P3T10 RM6114.40
Gred DUG52	: P1T1 RM3978.75	- P1T10 RM5601.36
	P2T1 RM4361.11	- P2T10 RM6114.40
Gred DUG53	: P1T1 RM4231.50	- P1T10 RM5931.55
	P2T1 RM4419.05	- P2T10 RM6209.85
	P3T1 RM4613.86	- P3T10 RM6497.83
Gred DUG54	: P1T1 RM4231.50	- P1T10 RM5931.55
	P2T1 RM4613.86	- P2T10 RM6497.83
Gred Khas	: Gred Khas C	- RM6135.80 – RM7672.50
	Gred Khas B	- RM6571.40 – RM8229.10
	Gred Khas A	- RM7224.80 – RM9039.80

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DUG45

- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dan sekurang-kurangnya diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Pergigian Malaysia; atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dan kelayakan kepakaran dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Pergigian Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG45: P1T2);

- dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DUG51

- (e) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DUG53 (Profesor Madya)

- (f) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

**Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred Khas C
(Profesor)**

- (g) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) dan (d) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

- | | |
|--|---|
| PENETAPAN GAJI
PERMULAAN | 2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred DUG45, DUG51, DUG53 atau Gred Khas C boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan. |
| TEMPOH PERCUBAAN | 3. Pensyarah Pergigian yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun. |
| LATIHAN | 4. Pensyarah Pergigian boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan yang berkenaan. |
| KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN | 5. Pensyarah Pergigian dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan yang berkenaan. |
| PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN | 6. Pensyarah Pergigian yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:- <ul style="list-style-type: none">(a) memenuhi tempoh percubaan;(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan(c) diperaku oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan. |
| PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN | 7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |
| PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN | 8. Pensyarah Pergigian hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat. |

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DUG52**

9. Pensyarah Pergigian Gred DUG45 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Pergigian Gred DUG52 apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **istimewa mutunya** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DUG54
(PROFESOR MADYA)**

10. Pensyarah Pergigian Gred DUG51/52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Pergigian Gred DUG54 apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **sangat istimewa mutunya** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS C
(PROFESOR)**

11. Pensyarah Pergigian Gred DUG53/54 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Pergigian Gred Khas C apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **terkemuka mutunya** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DUG45 KE GRED
DUG54 (PROFESOR
MADYA) DALAM
KEADAAN ISTIMEWA**

12. Pensyarah Pergigian Gred DUG45 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang **sangat terkemuka mutunya** adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred DUG54.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DUG45 KE GRED
KHAS C (PROFESOR)
DALAM KEADAAN
ISTIMEWA**

13. Pensyarah Pergigian Gred DUG45 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang **sangat luar biasa mutunya** adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED DUG51/52 KE
GRED KHAS C
(PROFESOR) DALAM
KEADAAN ISTIMEWA**

14. Pensyarah Pergigian Gred DUG51/52 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang **luar biasa mutunya** adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED KHAS YANG
LEBIH TINGGI**

15. Pensyarah Pergigian Gred Khas C adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke Gred Khas yang lebih tinggi apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang **terkemuka mutunya** dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan.

LAMPIRAN B

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pensyarah Pergigian
- (b) Badan Berkanun : Nama Agensi
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pendidikan

2. Jadual Gaji

Gred	Jadual Gaji Matriks	
Gred DUG45	: P1T1 RM2465.80	- P1T19 RM4888.22
	P2T1 RM2549.29	- P2T19 RM5144.74
	P3T1 RM2636.41	- P3T19 RM5423.04
Gred DUG51	: P1T1 RM3978.75	- P1T10 RM5601.36
	P2T1 RM4166.30	- P2T10 RM5854.25
	P3T1 RM4361.11	- P3T10 RM6114.40
Gred DUG52	: P1T1 RM3978.75	- P1T10 RM5601.36
	P2T1 RM4361.11	- P2T10 RM6114.40
Gred DUG53	: P1T1 RM4231.50	- P1T10 RM5931.55
	P2T1 RM4419.05	- P2T10 RM6209.85
	P3T1 RM4613.86	- P3T10 RM6497.83
Gred DUG54	: P1T1 RM4231.50	- P1T10 RM5931.55
	P2T1 RM4613.86	- P2T10 RM6497.83
Gred Khas	: Gred Khas C	- RM6135.80 – RM7672.50
	Gred Khas B	- RM6571.40 – RM8229.10
	Gred Khas A	- RM7224.80 – RM9039.80

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dan sekurang-kurangnya diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Pergigian Malaysia; atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dan kelayakan kepakaran dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Pergigian Malaysia
- (Gaji permulaan ialah pada Gred DUG45:P1T2);
- dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

6. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat).
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

Catatan :

Syarat lantikan terus ke gred-gred lebih tinggi daripada DUG45 hendaklah berpandukan syarat lantikan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
(PENSYARAH PERGIGIAN)

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI SSM : DUG45
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : DUG45000
- III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2006

JADUAL GAJI SSM : DUG45

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19
P1	2465.80	2545.66	2625.52	2758.62	2891.72	3024.82	3157.92	3291.02	3424.12	3557.22	3690.32	3823.42	3956.52	4089.62	4249.34	4409.06	4568.78	4728.50	4888.22
P2	2549.29	2632.78	2770.72	2908.66	3046.60	3184.54	3322.48	3460.42	3598.36	3736.30	3874.24	4012.18	4150.12	4315.89	4481.66	4647.43	4813.20	4978.97	5144.74
P3	2636.41	2780.40	2924.39	3068.38	3212.37	3356.36	3500.35	3644.34	3788.33	3932.32	4076.31	4220.30	4392.12	4563.94	4735.76	4907.58	5079.4	5251.22	5423.04

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
(PENSYARAH PERGIGIAN)**

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : DUG51

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : DUG51000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2006

JADUAL GAJI SSM : DUG51

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10
P1	3978.75	4159.04	4339.33	4519.62	4699.91	4880.20	5060.49	5240.78	5421.07	5601.36
P2	4166.30	4353.85	4541.40	4728.95	4916.50	5104.05	5291.60	5479.15	5666.70	5854.25
P3	4361.11	4555.92	4750.73	4945.54	5140.35	5335.16	5529.97	5724.78	5919.59	6114.40

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
(PENSYARAH PERGIGIAN)**

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : DUG52

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : DUG52000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2006

JADUAL GAJI SSM : DUG52

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10
P1	3978.75	4159.04	4339.33	4519.62	4699.91	4880.20	5060.49	5240.78	5421.07	5601.36
P2	4361.11	4555.92	4750.73	4945.54	5140.35	5335.16	5529.97	5724.78	5919.59	6114.40

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
(PENSYARAH PERGIGIAN)
(RM SEBULAN)**

I. GRED GAJI SSM : DUG53

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : DUG53000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2006

JADUAL GAJI SSM : DUG53

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10
P1	4231.50	4411.79	4592.08	4772.37	4952.66	5132.95	5332.60	5532.25	5731.90	5931.55
P2	4419.05	4606.60	4794.15	4981.70	5169.25	5377.37	5585.49	5793.61	6001.73	6209.85
P3	4613.86	4808.67	5003.48	5198.29	5414.88	5631.47	5848.06	6064.65	6281.24	6497.83

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
(PENSYARAH PERGIGIAN)**

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : DUG54

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : DUG54000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2006

JADUAL GAJI SSM : DUG54

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10
P1	4231.50	4411.79	4592.08	4772.37	4952.66	5132.95	5332.60	5532.25	5731.90	5931.55
P2	4613.86	4808.67	5003.48	5198.29	5414.88	5631.47	5848.06	6064.65	6281.24	6497.83

**JADUAL MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN AWAM
GRED KHAS C (PROFESOR UNIVERSITI)**

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : VK7 (PENSYARAH PERGIGIAN)

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : VK07000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2006

JADUAL GAJI SSM : VK7

	1	2	3	4	5
MATAGAJI	6135.80	6728.70	7115.90	7394.20	7672.50

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN AWAM
GRED KHAS B (PROFESOR UNIVERSITI)**

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : VK6 (PENSYARAH PERGIGIAN)

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : VK06000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2006

JADUAL GAJI SSM : VK6

	1	2	3	4	5
MATAGAJI	6571.40	7200.60	7624.10	7926.60	8229.10

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN AWAM
GRED KHAS A (PROFESOR UNIVERSITI)**

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : VK5 (PENSYARAH PERGIGIAN)

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : VK05000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2006

JADUAL GAJI SSM : VK5

	1	2	3	4	5
MATAGAJI	7224.80	7926.60	8386.40	8713.10	9039.80

**TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE
SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERGIGIAN**

(Nama Pihak Berkuasa Melantik)

.....
.....
.....

Rujukan Fail:

Tarikh :

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat:
.....
.....

Melalui Ketua Jabatan

(Nama Ketua Jabatan)

.....
.....

Tuan,

Tawaran Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen Dari Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti (bidang pergigian) Ke Skim Perkhidmatan Pensyarah Pergigian Di (Nama Agensi)

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk memansuhkan jawatan Pensyarah Universiti (bidang pergigian) berkuat kuasa pada Sehubungan itu tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian didi bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan dengan gaji RM..... Gred mulai pada tarikh yang sama.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang dinyatakan di **Lampiran D2 dan hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 30 Tahun 2005**. Tuan/puan dikehendaki memberi jawapan sama ada menerima atau tidak tawaran ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran D3** seperti berikut dan jawapan tuan/puan hendaklah sampai di pejabat ini sebelum atau pada

2.1 **Menerima Tawaran:**

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (a) di **Lampiran D3**; atau

2.2 **Menolak Tawaran:**

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (b) di **Lampiran D3**, jika tuan / puan menolak opsyen ini.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

.....
(Nama Pihak Berkuasa Melantik)

SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH PERGIGIAN (UNTUK PEGAWAI TETAP SAHAJA)

1. Kerajaan telah memutuskan untuk memansuhkan jawatan Pensyarah Universiti (bidang pergigian) yang sedang disandang oleh tuan/puan. Dengan keputusan itu, tuan/puan dengan ini diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke jawatan Pensyarah Pergigian dalam skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian di ataupun jika menolak akan dikekalkan dalam skim perkhidmatan Pensyarah Universiti (bidang pergigian) secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah muktamad.
2. Tempoh opsyen yang diberikan kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah selama tiga puluh (30) hari mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan dan akan dikekalkan dalam perkhidmatan Pensyarah Universiti (bidang pergigian) secara KUP.
3. Tuan/Puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan yang baru pada gred yang setaraf dengan jawatan tuan/puan di skim perkhidmatan yang lama. Gelaran jawatan tuan/puan, jika perlu, akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut.

OPSYEN

**TEMPOH
MEMBUAT
OPSYEN**

**SKIM
PERKHIDMATAN
YANG
DITAWARKAN**

4. Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntukkan di dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik.

**PENAKLUKAN
DI BAWAH
SYARAT DAN
PERATURAN
PERKHIDMATAN
BARU**

5. Tuan/Puan akan ditawarkan gaji permulaan berdasarkan kepada prinsip 'matagaji tertinggi berhampiran' dengan matagaji akhir di gred asal di Peringkat 1 (P1). Bagi pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan di jawatan asal, gaji permulaan adalah berdasarkan kepada prinsip 'matagaji tertinggi berhampiran' dengan matagaji akhir di gred asal dengan jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa mengikut Peringkat masing-masing. Jika matagaji mengikut Peringkat di jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji boleh ditetapkan di Peringkat berikutnya. Jika gaji jawatan baru masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, maka gaji secara KUP akan diwujudkan.

**PENETAPAN
GAJI
PERMULAAN**

6. Pergerakan gaji tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh tuan/puan dalam tahun pertukaran pelantikan dikuatkuasakan akan diberi di gred baru.

**PERGERAKAN
GAJI TAHUNAN**

7. Tarikh pergerakan gaji tuan/puan berubah mengikut tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

**TARIKH
PERGERAKAN
GAJI**

8. Tuan/Puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/puan telah disahkan dalam jawatan asal. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, tuan/puan hendaklah disahkan dalam jawatan baru oleh pihak berkuasa melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.
9. Tuan/Puan yang belum disahkan dalam jawatan asal, tuan/puan dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambilkira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan.
10. Kekananan tuan/puan di jawatan asal dikekalkan.
11. Jika tuan/puan belum disahkan dalam jawatan dan belum diberi taraf berpencen, tuan/puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja disahkan dalam jawatan barunya.
12. Taraf berpencen yang telah diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan.
13. Jika tuan/puan belum diberi taraf berpencen, tuan/puan layak dipertimbangkan diberi taraf pegawai berpencen mengikut peraturan pencen yang berkuat kuasa.
- TEMPOH
PERCUBAAN
BAGI PEGAWAI
YANG TELAH
DISAHKAN**
- TEMPOH
PERCUBAAN
BAGI PEGAWAI
YANG BELUM
DISAHKAN**
- KEKANANAN**
- OPSYEN
SKIM KWSP**
- TARAF
BERPENCEN
DIKEKALKAN**
- PEMBERIAN
TARAF
BERPENCEN**

- | | |
|--|--|
| 14. Tuan/Puan dibenarkan membawa baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa. | CUTI REHAT |
| 15. Tuan/Puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah Universiti/ Pihak Pengurusan Universiti. | PENEMPATAN |
| 16. Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. | KETUA
PERKHIDMATAN |
| 17. Tuan/Puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa di agensi penerima. | KEPERLUAN
MEMATUHI
PERATURAN |
| 18. Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, sumpah berkanun dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam jawatan asal. | SYARAT
PELANTIKAN
YANG
DIKECUALIKAN |
| 19. Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai 1.1.2006. | TARIKH KUAT
KUASA |
| 20. Hubungan tuan/puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus kecuali bagi tujuan faedah persaraan dan kemudahan-kemudahan yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman. | HUBUNGAN
DENGAN
PERKHIDMATAN
ASAL |

BORANG OPSYEN

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada:

(Nama Pihak Berkuasa Melantik)

.....

.....

Melalui Ketua Jabatan

(Nama Ketua Jabatan agensi hakiki)

.....

.....

Tuan:

Tawaran Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen Dari Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti (bidang pergigian) Ke Skim Perkhidmatan Pensyarah Pergigian Di (Nama Agensi).

Berhubung dengan surat tuan bil.bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan seperti di bawah:-

- * (a) **Bersetuju** menerima pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Pensyarah Universiti (bidang pergigian) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan ke skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pendidikan di(nama agensi) dengan menerima gaji sebanyak RM sebulan atas Gred..... dengan syarat-syarat yang dinyatakan di..... pada surat tawaran tuan;

Fail Rujukan :

ATAU

*** (b) Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian dan dengan ini bersetuju kekal di bawah skim perkhidmatan Pensyarah Universiti (bidang pergigian) secara Khas Untuk Penyandang.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. bertarikh dan implikasi pilihan sendiri ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah **muktamad**. Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam gred dan skim perkhidmatan sekarang secara Khas Untuk Penyandang.

Tandatangan:

Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan:

Jawatan:

Alamat:

.....
Tarikh:

Fail Rujukan :

Di hadapan:

.....
SAKSI**
(Tandatangan Dan Cop Jawatan)

Tandatangan:

Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan:

Jawatan:.....

Alamat:

.....

Tarikh:

* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.

** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN
PENSYARAH UNIVERSITI (BIDANG PERGIGIAN) GRED DS45
YANG BELUM DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN
KE PENSYARAH PERGIGIAN GRED DUG45**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pensyarah Universiti (Bidang Pergigian) Gred DS45 Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Pensyarah Pergigian Gred DUG45 Diselaraskan Ke Matagaji Baru Gred DUG45 Di Peringkat 1 (P1).

Tarikh Kuat Kuasa:

1 Januari 2006

Tarikh Pergerakan Gaji Asal:

1 Oktober

Tarikh	Gaji Sekarang Gred DS45 (RM)	Gaji Baru Gred DUG45 (RM)	Catatan
31.12.2005	2533.40 (P1T5)	-	Gaji Akhir Di Gred Asal.
1.1.2006	2533.40 (P1T5)	2545.66 (P1T2)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Akan Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.10.2006	-	2625.52 (P1T3)	TPG Gred Asal. (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).
1.1.2007	-	2758.62 (P1T4)	TPG Gred Baru. (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM: Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG: Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN
PENSYARAH UNIVERSITI (BIDANG PERGIGIAN) GRED DS45
YANG TELAH DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN
KE PENSYARAH PERGIGIAN GRED DUG45**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pensyarah Universiti (Bidang Pergigian) Gred DS45 Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Pensyarah Pergigian Gred DUG45 Diselaraskan Ke Matagaji Baru Gred DUG45 Mengikut Peringkat (P) Di Gred Gaji Asal.

Tarikh Kuat Kuasa: 1 Januari 2006

Tarikh Pergerakan Gaji Asal: 1 Julai

Tarikh	Gaji Sekarang Gred DS45 (RM)	Gaji Baru Gred DUG45 (RM)	Catatan
31.12.2005	3734.93 (P2T13)	-	Gaji Akhir Di Gred Asal.
1.1.2006	3734.93 (P2T13)	3874.24 (P2T11)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Akan Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.7.2006	-	4012.18 (P2T12)	TPG Gred Asal. (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).
1.1.2007	-	4150.12 (P2T13)	TPG Gred Baru. (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM: Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG: Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN
PENSYARAH UNIVERSITI (BIDANG PERGIGIAN) GRED DS51
YANG TELAH DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN
KE PENSYARAH PERGIGIAN GRED DUG51**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pensyarah Universiti (Bidang Pergigian) Gred DS51 Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Pensyarah Pergigian Gred DUG51 Diselaraskan Ke Matagaji Baru Gred DUG51 Mengikut Peringkat (P) Di Gred Gaji Asal.

Tarikh Kuat Kuasa: 1 Januari 2006

Tarikh Pergerakan Gaji Asal: 1 April

Tarikh	Gaji Sekarang Gred DS51 (RM)	Gaji Baru Gred DUG51 (RM)	Catatan
31.12.2005	5419.25 (P1T9)	-	Gaji Akhir Di Gred Asal.
1.1.2006	5419.25 (P1T9)	5601.36 (P1T10) Maksimum	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Akan Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.4.2006	-	5601.36 (P1T10) Maksimum	TPG Gred Asal. (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM. Tiada Pergerakan Gaji Kerana Telah Berada Di Matagaji Maksimum).
1.1.2007	-	5601.36 (P1T10) Maksimum	TPG Gred Baru. (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM. Tiada Pergerakan Gaji Kerana Telah Berada Di Matagaji Maksimum).

Catatan:

PPSM: Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG: Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN
PENSYARAH UNIVERSITI (BIDANG PERGIGIAN) GRED DS54
KE PENSYARAH PERGIGIAN GRED DUG54**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pensyarah Universiti (Bidang Pergigian) Gred DS54 Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Pensyarah Pergigian Gred DUG54 Diselaraskan Ke Matagaji Baru Mengikut Peringkat (P) Gaji Di Gred Asal

Tarikh Kuat Kuasa: 1 Januari 2006

Tarikh Pergerakan Gaji Asal: 1 Januari

Tarikh	Gaji Sekarang Gred DS54 (RM)	Gaji Baru Gred DUG54 (RM)	Catatan
31.12.2005	5610.43 (P2T6)	-	Gaji Akhir Di Gred Asal.
1.1.2006	5610.43 (P2T6)	5848.06 (P2T7)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Akan Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.1.2006	-	6064.65 (P2T8)	TPG Gred Asal. (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).
1.1.2007	-	6281.24 (P2T9)	TPG Gred Baru. (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM: Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG: Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN
PENSYARAH UNIVERSITI (BIDANG PERGIGIAN) GRED KHAS C
KE PENSYARAH PERGIGIAN GRED KHAS C**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Pensyarah Universiti (Bidang Pergigian) Gred Khas C Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Pensyarah Pergigian Gred Khas C Diselaraskan Ke Matagaji Baru.

Tarikh Kuat Kuasa: 1 Januari 2006

Tarikh Pergerakan Gaji Asal: 1 Oktober

Tarikh	Gaji Sekarang Gred Khas C (RM)	Gaji Baru Gred Khas C (RM)	Catatan
31.12.2005	7115.90	-	Gaji Akhir Di Gred Asal.
1.1.2006	7115.90	7394.20	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Akan Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.10.2006	-	7672.50 (maksimum)	TPG Gred Asal. (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).
1.1.2007	-	7672.50 (maksimum)	TPG Gred Baru. (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM. Tiada Pergerakan Gaji Kerana Telah Berada Di Matagaji Maksimum).

Catatan:

PPSM: Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG: Tarikh Pergerakan Gaji